



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO (HATI)
TARIKH	:	19/6/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Kita sedia maklum, tapir Malaya antara haiwan yang semakin mendapat perhatian pelbagai pihak untuk melindunginya memandangkan ketika ini ia dilaporkan semakin mengalami kepupusan.

Puncanya begitu jelas iaitu disebabkan pembangunan yang mengganggu habitatnya dan terdapat sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab memburu haiwan itu bagi pelbagai tujuan.

Lebih menyedihkan ada juga laporan berita terdahulu yang mendedahkan wujudnya pihak yang mahu mengaut keuntungan pantas dengan melapah kulit dan memotong telinga, kaki kanan depan serta belalai tapir mengakibatkan kematian haiwan itu.

Menyedari kepentingan memulihara tapir untuk tidak terus terancam, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mengambil langkah dengan mewujudkan Pusat Konservasi Tapir Sungai Dusun, Hulu Selangor.

Berkeluasan 4,330 hektar, dahulunya ia adalah kawasan pertama yang dirizabkan untuk melindungi Badak Sumatera dan sejak 2004 hingga kini tapir menjadi haiwan yang berada di dalam pusat penjagaan itu.

Penulis yang berkesempatan mengunjungi pusat konservasi berkenaan baru-baru ini menerusi program kelestarian alam dilaksanakan Watsons Malaysia, Natural By Watsons yang menyokong sambutan Hari Tapir Sedunia Untuk Tingkat Kesedaran Pengguna Terhadap Spesies Tapir dengan memberi sumbangan hasil jualan produknya kepada pusat berkenaan.

Berada di dalam kawasan itu sememangnya terletak jauh dari kawasan bandar memperlihatkan ia adalah sebuah kawasan sesuai untuk haiwan liar seperti itu.

Pusat konservasi itu juga sebenarnya dibuka kepada orang ramai untuk kunjungan dan melihat sendiri tapir dengan lebih dekat memandangkan ia juga satu aktiviti yang mampu memberi kesedaran berkenaan penjagaan hidupan liar di negara ini.

Pengarah PERHILITAN Selangor Abd Rahim Othman berkata, pusat konservasi itu dilihat berjaya kerana dari segi jumlah begitu banyak sudah diselamatkan dan lokasi terpencil itu juga menyambut 13 kelahiran anak tapir.

"Tapir yang diselamatkan kami akibatkan tercedera akan dirawat sepenuhnya



TAPIR memerlukan perlindungan.

SAYANGI TAPIR MALAYA

PERHILITAN ambil langkah lindungi haiwan terancam dengan buka pusat konservasi

kemudian dilepaskan ke habitatnya semula. Setakat ini, kami sudah melepaskan semula 12 tapir.

"Dari segi lawatan, kami sangat mengalu-alukan kehadiran pengunjung, tapi mereka perlu memaklumkan kami terlebih dahulu seperti membuat surat atau menghubungi terus Pejabat PERHILITAN," katanya.

Pusat konservasi itu juga sering mendapat perhatian pengunjung kerana ia juga menyediakan kemudahan untuk dijadikan lokasi program perkhemahan.



TAPIR mempunyai diet pemakanan tertentu.

WATSONS bersama media ketika melawat pusat konservasi.

